

21/04/1997

Memasyarakat budaya seni taman

Kamal Ahmad

UNSUR kecantikan dan keselesaan hidup kini digunakan oleh negara maju sebagai komponen penting menarik pelabur dan pelancong. Unsur itu tertumpu kepada seni lanskap yang menjadi industri paling pesat berkembang di negara maju.

Kini aliran pembangunan dan industri bersifat mesra alam dan hijau berikutan kesedaran tinggi negara maju mengenai kepentingan menjaga planet ini daripada terus dicemari pelbagai cara. Industri di negara maju berlumba-lumba mengeluarkan produk dengan label mesra alam, bebas cemar dan mudah reput bagi memastikan produk itu boleh dibuang atau kitar semula dengan mudah serta selamat selepas digunakan.

Pemaju turut mempromosikan konsep perumahan mesra alam atau kembali kepada alam seperti konsep desa manakala ejen pelancongan cergas mempromosikan pakej ekotourisme.

Semua ini bermula dengan isu penipisan lapisan ozon kerana pelepasan gas kloroflorokarbon (CFC) dan bromida, kebanyakan industri memansuhkan penggunaan bahan kimia itu dalam sebarang produk. Isu itu kemudian dikaitkan dengan peningkatan suhu dunia yang dikhuatiri menyebabkan banyak perubahan ekologi, cuaca dan pencairan salji di Kutub Utara dan Selatan.

Isu CFC turut mendorong seluruh dunia sebulat suara supaya semua negara mengambil bahagian dalam penghijauan bumi melalui penanaman dan pemuliharaan pokok melalui pernyataan prinsip bagi hutan dalam Agenda ke-21 yang dipersetujui oleh Persidangan Antarabangsa Mengenai Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992.

Di Rio, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut membuat komitmen bahawa Malaysia akan mengekalkan 50 peratus kawasannya diliputi hutan atau kehijauan secara berkekalan berbanding negara lain hanya 30 peratus.

Selain Agenda 21, komitmen Malaysia menghijaukan alam adalah melalui Deklarasi Langkawi 1989 dan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Alam sekitar dan Pembangunan 1992.

Melalui komitmen di Rio, kerajaan meletakkan sasaran Malaysia menjadi sebuah Negara Taman menjelang 2005. Sehubungan itu Dr Mahathir mengilhamkan usaha melanskap negara. Buku Garis Panduan Lanskap Negara diterbitkan tahun lalu yang bertujuan mewujudkan kualiti lanskap menyeluruh selaras hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman.

Selain itu, Jabatan Lanskap Negara ditubuhkan 1 Januari lalu bertanggungjawab melanskapkan seluruh negara.

Komitmen menghijaukan negara turut dilihat melalui Program Bersih dan Indah serta Pertandingan Lanskap Kebangsaan sejak beberapa tahun lalu bagi menggalakkan minat orang ramai terhadap keindahan taman.

Hari ini, komitmen itu dibuktikan melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan menjanjikan pembangunan `hijau' tidak diabaikan dalam projek mega di negara ini. Ia sejajar dengan ketegasan; pembangunan tidak seharusnya disertai pemusnahan pokok dan kawasan semula jadi.

Sehubungan itu, perancangan pembangunan `hijau' MSC memastikan pembangunan bandar kini dan akan datang diganding dengan persekitaran alam semula jadi untuk mewujudkan persekitaran segar, indah dan menstabil iklim mikro.

Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang turut mengutamakan konsep hijau. Pengurus Projek/Penasihat Lanskap KLIA,

Dr Zakaria Ibrahim, berkata pokok hutan yang ditanam di KLIA adalah spesies asli negara ini. Selain merawan siput jantan sebagai pokok pilihan Perdana Menteri, pulai, bintangor, keruing, kapur, meranti tembaga, jelutong, mendung, perah, penaga lilin, sentul dan kelumpang jari adalah antara pokok mengisi ruang lanskap seluas 77 hektar bagi fasa pertama.

Dalam fasa ini, KLIA akan mempamerkan konsep `lapangan terbang di dalam taman' manakala `hutan di dalam lapangan terbang' akan diwujudkan dalam satu bulatan 1,500 parameter di tengah Bangunan Satelit.

Sekurang-kurangnya 80 spesies pokok utama akan ditanam selain 13 spesies palma, renek (40) dan dua jenis buluh. Selain lanskap kelompok, 100,000 pokok akan ditanam tiga lapisan di sepanjang 45 kilometer lingkaran jalan di lapangan terbang itu.

Di Cyberjaya, yang disifatkan sebagai Bandar Bestari bagi kalangan syarikat multimedia, akan dilengkapi hotel peranginan kelas satu, servis apartmen, perumahan dan kondominium lereng bukit, selain kemudahan membeli-belah dan rekreasi.

Pokok spesies tertentu ditanam di celah struktur yang dibina. Ini untuk mewujudkan persekitaran segar dan meyakinkan.

Untuk memesatkan usaha itu, beberapa usaha boleh dilaksanakan seperti:

- \* Menggerakkan jentera seperti Rukun Tetangga, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), kariah masjid/surau serta persatuan penduduk taman perumahan mengadakan gotong-royong menanam pokok dan pokok bunga;

- \* Menggerakkan persatuan kokurikulum dan badan beruniform di sekolah, maktab, kolej dan universiti mewujudkan lanskap di premis masing-masing;

- \* Mengadakan giliran tetap bagi kakitangan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan melakukan kerja pengindahan kawasan pejabat pada hujung minggu;

- \* Menggalakkan industri menghijaukan kawasan kilang dengan lanskap;

- \* Membabitkan badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan pro-alam sekitar dalam kempen menanam pokok; dan

- \* Mengadakan pertandingan atau pesta pokok hiasan/pokok bunga tercantik di peringkat akar-umbi seperti kampung atau taman perumahan.

Kegiatan gotong-royong mampu memupuk semangat kejiwaan, perpaduan, ceria, cinta kebersihan, keindahan dan alam semula jadi serta menyihatkan badan.

Selain itu, usaha mencapai matlamat menjadi Negara Taman antara lain ialah:

- \* Menggalakkan penghuni rumah pangsa, kondominium dan pemilik bangunan tinggi mewujudkan reka bentuk dalaman dan menghias ruang kosong dengan pokok. Sebaliknya, penggunaan pokok bunga tiruan perlu dikurangkan atau dilarang;

- \* Selain mewajibkan kawasan lapang minimum 10 peratus, pemaaju perumahan perlu melanskap dan mencantikkan kawasan lapang dan keseluruhan kawasan perumahan dan projek pembangunan;

- \* Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan harus memastikan rizab lanskap untuk tanaman pokok disediakan di tepi jalan bagi mengelak pemusnahan pokok yang kerap berlaku kerana kerja pelebaran jalan dan penyediaan talian utiliti;

- \* Menggubal undang-undang dan peraturan berkaitan dengan lanskap;

- \* Memberi markah atau gred bagi menilai dewan bandaraya, majlis perbandaran dan pihak berkuasa tempatan berhubung usaha pengindahan dan lanskap;

- \* Menggalakkan penubuhan tapak semeaian bagi memudahkan orang ramai memperolehi benih dengan mudah dan murah; dan

- \* Mewujudkan dana yang didukung sektor swasta/korporat bagi membiayai dan menyokong program hijau.

Pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara baru-baru ini juga

menandakan bermula usaha menanam pokok secara besar-besaran untuk mencapai matlamat 3,000,000 pokok di seluruh negara pada tahun 2000 dan 20,000,000 pokok menjelang 2020.

(END)